



PELAN ANTIRASUAH 2021-2023

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA 2021 - 2023

Diterbitkan oleh:

UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA,

ARAS 22, LOT 4G9, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon: 03-8911 5464

Faks: 03-8911 5460

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeskploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

PENAFIAN

Maklumat yang terkandung dalam pelan ini adalah khusus untuk kegunaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. KKMM tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung di dalamnya.



AMANAT

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya, Pelan Antirasuah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2021-2023 berjaya dihasilkan.

Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam pembangunan pelan ini dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan keberhasilan pelan secara langsung atau tidak langsung.

Pembangunan pelan ini merupakan salah satu usaha untuk mendukung agenda pencegahan rasuah nasional seperti yang telah digariskan di dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019 oleh YAB Perdana Menteri dengan mengambil kira aspek governans, integriti dan antirasuah

KKMM secara keseluruhannya komited dalam memastikan pelaksanaan kesemua inisiatif yang telah dirancang dan menjadi tanggungjawab semua pihak untuk merealisasikan setiap inisiatif sebagai usaha pencegahan rasuah di peringkat organisasi dan seterusnya mencapai aspirasi nasional supaya "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah".

Akhir sekali, saya menyeru kepada semua warga KKMM supaya bersama-sama dalam memastikan negara sentiasa bebas amalan rasuah dan salah guna kuasa serta berkhidmat dengan penuh integriti.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YB DATO' SAIFUDDIN BIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



PERUTUSAN

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Pelan Antirasuah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2021-2023 telah dihasilkan dengan jayanya.

Pelan Antirasuah KKMM 2021-2023 merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat kementerian dengan tujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi dan pembangunan pelan ini merupakan salah satu inisiatif di dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Sebanyak tiga (3) bidang keutamaan yang telah dikenal pasti dalam pembangunan pelan ini iaitu Kewangan/Perolehan Awam, Pentadbiran Sektor Awam dan Tadbir Urus Korporat yang menjadi tunjang kepada inisiatif-inisiatif yang dirancang. Saya yakin dan percaya bahawa kesemua 43 inisiatif yang telah dirancang merupakan satu usaha yang besar dalam agenda pencegahan rasuah negara di peringkat organisasi. Semua pihak perlu bekerjasama dan berganding bahu dalam melaksanakan kesemua inisiatif yang dirancang mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan agar matlamat penghasilan pelan ini tercapai.

Akhir kalam, tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam pembangunan Pelan Antirasuah KKMM 2021-2023 ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Saya juga yakin dan percaya dengan komitmen yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dapat memastikan visi dan misi penghasilan pelan ini dapat dicapai dan seterusnya dapat menangani isu-isu governans, integriti dan antirasuah dengan lebih berkesan khususnya di peringkat kementerian.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBHG. DATO' SRI HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan Antirasuah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2021-2023 merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat kementerian dengan tujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Pembangunan pelan ini juga merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah “Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam” di dalam Pelan Antirasuah Nasional 2019 hingga 2023.

Kerangka pelan ini dibangunkan dengan kerjasama daripada semua pihak iaitu kumpulan pelaksana hingga kumpulan pengurusan tertinggi Kementerian dengan mengambil kira isu-isu di peringkat masing-masing dan seterusnya mengadakan mesyuarat kerja bagi membincangkan isu-isu tersebut yang mencerminkan komitmen daripada semua pihak di kementerian.

Justeru, Pengurusan Tertinggi KKMM berjanji dan beriltizam untuk melaksanakan kesemua 43 inisiatif yang telah dirancang di dalam pelan dengan telus dan penuh tanggungjawab serta berintegriti agar aspirasi nasional supaya negara dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah tercapai.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah KKMM 2021-2023 digubal bagi mendukung visi dan misi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dilancarkan pada 29 Januari 2019 oleh YAB Perdana Menteri. Pembangunan pelan ini dapat membantu bagi menangani isu-isu/permasalahan berkaitan governans, integriti dan antirasuah di peringkat kementerian.

BAB 1

Menjelaskan latar belakang kementerian dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan dalam memerangi rasuah dan membudayakan nilai integriti di dalam organisasi. Terdapat pelbagai dasar integriti dan tadbir urus yang telah dilaksanakan sebagai usaha memerangi rasuah dan komitmen kementerian secara berterusan. Pelan Antirasuah merupakan salah satu inisiatif kementerian sebagai usaha ke arah membentuk warga kementerian yang berintegriti dan bebas rasuah.

BAB 2

Menerangkan suatu gambaran terhadap senario rasuah yang berkemungkinan berlaku di masa hadapan dan sebagai satu persediaan dalam merancang usaha dan penyelesaian yang sesuai sekiranya terjadi.

BAB 3


Sebanyak tiga (3) bidang utama yang dikenalpasti iaitu Kewangan/Perolehan Awam, Pentadbiran Sektor Awam dan Tadbir Urus Korporat melibatkan lima (5) strategi bagi menangani rasuah dengan 12 objektif strategik dan 43 inisiatif yang telah digariskan.

BAB 4

Menerangkan aspek pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah yang telah digariskan yang bertujuan untuk memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif oleh bahagian/unit peneraju mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan supaya objektif penghasilan pelan tercapai. Maka, komitmen daripada semua pihak diperlukan dalam memastikan pelaksanaan pelan ini untuk merealisasikan visi dan misi Pelan Antirasuah KKMM Tahun 2021-2023.

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| BAB 1: PENGENALAN | 7 |
| • SEJARAH KEMENTERIAN | 8 |
| • HALA TUJU DAN FUNGSI KEMENTERIAN | 9 |
| • DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL | 10 |
| • PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS PERINGKAT KEMENTERIAN | 10 |
| • ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH | 11 |
| • PENILAIAN RISIKO | 12 |
| BAB 2: SENARIO MASA HADAPAN | 13 |
| • SENARIO ANTIRASUAH 2030 | 14 |
| • SENARIO KESINAMBUNGAN (<i>CONTINUATION</i>) | 16 |
| • SENARIO KEKANGAN (<i>LIMITS AND DISCIPLINED</i>) | 17 |
| • SENARIO PERKEMBANGAN (<i>GROWTH</i>) | 18 |
| • SENARIO MERUDUM (<i>DECLINE AND COLLAPSE</i>) | 19 |
| • STRATEGI UTAMA | 20 |
| BAB 3: MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH | 21 |
| • KERANGKA PELAN ANTIRASUAH KKMM 2021-2023 | 22 |
| • KEUTAMAAN STRATEGI | 23 |
| • PENEKANAN 15 INISIATIF | 24 |
| BAB 4: TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH | 31 |
| • MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN | 32 |
| • MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN | 33 |
| BAB 5: KESIMPULAN | 35 |



BAB 1

PENGENALAN

Bab ini menjelaskan latar belakang Kementerian dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan dalam memerangi rasuah dan membudayakan nilai integriti di dalam organisasi. Terdapat pelbagai dasar integriti dan tadbir urus yang telah dilaksanakan sebagai usaha memerangi rasuah dan komitmen Kementerian secara berterusan. OACP merupakan salah satu inisiatif Kementerian sebagai usaha ke arah membentuk warga Kementerian yang berintegriti dan bebas rasuah.



SEJARAH KEMENTERIAN

Sejarah awal bidang komunikasi dan penyiaran di negara ini bermula pada awal abad ke-20 dengan wujudnya stesen-stesen radio di negara ini. Radio telah digunakan untuk menyebarkan dakwah propaganda penjajah British dan Jepun bagi mempengaruhi minda dan meraih sokongan terhadap mereka. Pada tahun 1945, Jabatan Perhubungan Raya ditubuhkan dan menjadi sebahagian jentera kerajaan serta ditukar namanya ke Jabatan Perkhidmatan Penerangan (Federal Government's Information Services) pada tahun 1950. Manakala Malayan Film Unit (MFU) yang ditubuhkan pada tahun 1948 telah menerbitkan filem-filem bagi melancarkan perang saraf dan gerak saraf terhadap pengaruh komunis yang mengancam Persekutuan Tanah Melayu.

Pada bulan Oktober 1959, Tuan Syed Jaafar Albar telah dilantik sebagai Menteri Muda yang bertanggungjawab terhadap bidang penerangan dan penyiaran pada ketika itu. Pada 1 Julai 1961, Kementerian Penerangan dan Penyiaran telah ditubuhkan dan diletak di bawah tanggungjawab Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan dibantu oleh seorang Menteri Muda, Encik Ismail bin Yusof.

Pelancaran perkhidmatan siaran televisyen dalam bentuk hitam putih pada tahun 1963 memperlihatkan perkembangan pesat bidang penyiaran. Studio pertamanya terletak di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. TV warna telah dilancarkan sempena genap 15 tahun usia siaran TV di Malaysia pada 28 Disember 1978. Program dalam bentuk warna yang pertama disiarkan adalah siaran langsung program Puspawarna.

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) yang sebelum ini diletak di bawah Kementerian Perdagangan dan Industri telah menyertai kementerian Penerangan pada tahun 1981 dengan objektif untuk membangun, menggalak dan memajukan industri perfileman tempatan. Manakala, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) pula ditubuhkan di bawah kementerian ini pada tahun 2000 bertujuan untuk mendidik dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat pelbagai kaum.

Perkembangan pesat dalam bidang politik, ekonomi dan sosial memperlihatkan peranan kementerian Penerangan bertambah daripada hanya mengendalikan perkhidmatan penerangan dan penyiaran kepada penyaluran berita dalam dan luar negara melalui kemasukan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) ke dalam kementerian pada tahun 2000.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah diletakkan di bawah bidang kuasa kementerian ini pada tahun 2009 berikutan penstrukturan semula Kabinet dan penubuhan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Sementara itu, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) yang telah ditubuhkan pada 16 Mei 2011 turut diletakkan di bawah KPKK.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah dibentuk pada 15 Mei 2013 berikutan dengan penstrukturan semula kabinet bagi menggantikan KPKK. Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDEC) dan MYNIC Berhad (Pusat Rangkaian Maklumat Malaysia) bersama fungsi dan peranannya telah dipindahkan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ke KKMM pada 10 September 2013. Pada 19 Oktober 2018, kementerian telah menerima dua (2) agensi baharu iaitu CyberSecurity Malaysia dan MyCreative Ventures Sdn. Bhd.

Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) telah ditubuhkan pada tahun 2020 untuk mewujudkan komunikasi dua hala antara kerajaan dan rakyat dengan membangunkan komuniti sehingga ke peringkat akar umbi melalui komunikasi berkesan menjadikan jumlah keseluruhan lima (5) jabatan dan tujuh (7) agensi di bawah KKMM.

HALA TUJU DAN FUNGSI KEMENTERIAN



VISI

Pemacu masyarakat terhubung, berinformasi, kreatif dan berbudaya digital.



MISI

- i) Pemerkasaan jaringan dan infrastruktur telekomunikasi digital dan komunikasi sosial serta memacu pertumbuhan ekonomi digital.
- ii) Pengukuhan masyarakat bermaklumat, terhubung dan berdaya maju menerusi penerangan, penyiaran dan informasi yang berkualiti, berkesan dan berintegriti serta mengembangkan industri kreatif negara.



FUNGSI & PERANAN KEMENTERIAN

- i) Penyiar dan menguruskan hebahan maklumat rasmi serta media massa kerajaan.
- ii) Pembangunan sektor telekomunikasi dan industri perkhidmatan pos negara.
- iii) Pengurusan dan perlindungan data.
- iv) Pembangunan industri kreatif negara.
- v) Penggubalan, pemantauan dan penyelarasan pelaksanaan dasar negara mengenai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
- vi) Pelaksanaan perlindungan keselamatan, integriti dan kebolehpercayaan perkhidmatan rangkaian dan perkhidmatan aplikasi komunikasi.
- vii) Pengukuhan perlindungan keselamatan siber.

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan sebagai agenda utama negara untuk membanteras rasuah ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi.

PELAN
INTEGRITI
NASIONAL
(PIN) 2004

PROGRAM
TRANSFORMASI
KERAJAAN
(GTP)

PROGRAM
TRANSFORMASI
KERAJAAN 2.0
(GTP 2.0)

PELAN
ANTIRASUAH
NASIONAL
(NACP)
2019-2023

PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS PERINGKAT KEMENTERIAN

KKMM sentiasa mendukung usaha kerajaan dalam memerangi rasuah agar negara dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Beberapa inisiatif telah diwujudkan selari dengan dasar dan tadbir urus nasional.

PELAN
INTEGRITI
ORGANISASI
KPKK 2009

PELAN
INTEGRITI
ORGANISASI
KKMM 2014

PELAN
PENGURUSAN
RISIKO RASUAH
(CRM) KKMM
2019-2021

PELAN
ANTIRASUAH
KKMM
2021-2023

ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Badan-badan penarafan antarabangsa meletakkan kedudukan negara pada landasan yang baik seperti Indeks Persepsi Rasuah (CPI) oleh *Transparency International* yang meletakkan negara di kedudukan 51 daripada 180 negara pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 di tempat ke-61. Laporan *Doing Business 2020* oleh Bank Dunia yang memberi penarafan kepada Malaysia di tempat ke-12 daripada 190 negara berbanding di tempat ke-15 pada tahun sebelumnya yang mempunyai perniagaan kompetitif, terbuka dan pengurusan korporat yang cekap. Masih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki dalam agenda untuk meningkatkan integriti rakyat, memperbetulkan tadbir urus negara dan memerangi rasuah. Usaha-usaha memerangi rasuah yang telah dirancang haruslah diteruskan supaya mencapai kedudukan yang lebih baik untuk tahun seterusnya.

Data Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penglibatan penjawat awam dalam kes rasuah menunjukkan sebanyak 1100 tangkapan kes rasuah telah dilakukan pada tahun 2019, 525 kes adalah daripada penjawat awam. Daripada 525 kes, sebanyak 288 kes telah dihadapkan pertuduhan dan sebanyak 104 telah disabitkan dengan kesalahan rasuah. Sebanyak 47.6% kes rasuah berlaku dalam kalangan penjawat awam sepanjang lima (5) tahun ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 72.3% kes adalah daripada kumpulan pelaksana dan 52.6% kes adalah melibatkan individu yang berumur 40 tahun ke bawah.

Sebanyak 25 maklumat yang diterima oleh SPRM berkaitan kesalahan yang melibatkan KKMM pada tahun 2019. Daripada 25 maklumat, 13 kertas siasatan telah dibuka dan enam (6) ditangkap bagi tujuan siasatan.

Selain itu, jumlah aduan yang diterima berkaitan integriti menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 seperti berikut:

| KLASIFIKASI ADUAN | 2018 | 2019 | 2020 |
|-------------------|-----------|-----------|-----------|
| Kewangan | 4 | 3 | 3 |
| Pentadbiran | 9 | 12 | 3 |
| Perolehan | 0 | 2 | 9 |
| Lain-Lain | 6 | 11 | 10 |
| JUMLAH | 19 | 28 | 25 |

PENILAIAN RISIKO

Dalam mengenalpasti bidang-bidang berisiko yang cenderung kepada perlakuan rasuah dan salah laku serta kelemahan tadbir urus dan integriti, penilaian risiko rasuah / *Corruption Risk Assessment (CRA)* dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai sumber bagi tempoh 2014 hingga 2020 iaitu:

SUMBER DALAMAN

- i) Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KKMM
- ii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit KKMM
- iii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun KKMM
- iv) Pelan CRM KKMM 2019-2021
- v) Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) KKMM 2019
- vi) Data tatatertib kementerian
- vii) Borang penyenaiaan isu/risiko

SUMBER LUARAN

- i) Statistik SPRM berkaitan kesalahan melibatkan KKMM
- ii) Data Biro Pengaduan Awam
- iii) Laporan Ketua Audit Negara
- iv) Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023
- v) Akhbar

Jumlah risiko di KKMM yang dikenalpasti hasil penilaian risiko rasuah adalah sebanyak 55 risiko berdasarkan kategori risiko seperti berikut:



Daripada jumlah risiko tersebut, **sebanyak tiga (3) bidang utama dikenalpasti yang perlu diberi fokus** dalam menangani isu rasuah dan salah guna kuasa serta kelemahan governans dan integriti di KKMM iaitu:

KEWANGAN / PEROLEHAN

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

TADBIR URUS KORPORAT



BAB 2

SENARIO MASA HADAPAN

Dalam melaksanakan intervensi penggubalan dasar, ianya menjadi suatu kepentingan untuk mengenalpasti perubahan semasa dan kesan yang akan terjadi serta mengambilkira impaknya di masa hadapan. Bab ini merupakan suatu gambaran terhadap senario rasuah yang berkemungkinan berlaku di masa hadapan dan sebagai satu persediaan dalam merancang usaha dan penyelesaian yang sesuai sekiranya terjadi.



SENARIO ANTIRASUAH 2030

SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan Antirasuah tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau mapan.

SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.

Dunia pada tahun 2030 semestinya berbeza dengan adanya Revolusi Perindustrian Ke-4 (4IR) yang merupakan satu trend mega akibat daripada kerancakan kemajuan teknologi disruptif. Pelan Antirasuah KKMM meletakkan empat (4) senario utama bagi meramalkan keadaan yang mungkin berlaku di masa hadapan dalam kaitan risiko rasuah dengan tindakan-tindakan yang dilaksanakan dalam menangani risiko tersebut.

SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

Masa hadapan di mana hasil kewujudan Pelan Antirasuah telah menyebabkan anjakan menuju fasa sesebuah organisasi yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.

SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)

Masa hadapan yang menjadikan rasuah sebagai satu kebiasaan dalam kalangan masyarakat dan seterusnya meruntuhkan sistem sosial tanpa sebarang jalan penyelesaian.



SENARIO KESINAMBUNGAN (CONTINUATION)

Keberkesanan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kerajaan dipengaruhi oleh penggunaan teknologi dan inovasi yang berterusan di masa hadapan. Pencapaian yang baik dalam penyampaian perkhidmatan ditentukan oleh pengurusan perubahan yang berkesan dalam kesediaan menghadapi perubahan dalam menerima penggunaan teknologi dan inovasi terkini bagi memastikan keamanan organisasi.

KEWANGAN / PEROLEHAN AWAM

Penggunaan teknologi dalam proses perolehan secara meluas mengurangkan penglibatan manusia dalam proses perolehan dan kewangan. Namun, masih terdapat ketirisan maklumat perolehan dan wang awam yang menyebabkan ketelusan merosot. Pewujudan garis panduan bagi proses perolehan dan pengurusan kewangan membantu dalam mengurangkan ketirisan yang berlaku.

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Penyampaian perkhidmatan awam adalah lebih berkesan dengan penggunaan teknologi maklumat sebagai platform dan mekanisme tadbir urus utama. Pelbagai pembaharuan diperkenal menerusi kemajuan teknologi maklumat menjadikan perkhidmatan yang lebih responsif dan peningkatan mutu perkhidmatan.

TADBIR URUS KORPORAT

Sistem tadbir urus hanya menangani masalah ekonomi dan masih dalam peralihan daripada manusia berorientasikan ekonomi kepada manusia beramanah.



SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINED)

Keutamaan integriti tidak ditekankan di dalam penyampaian perkhidmatan oleh sebahagian warga kerja dan pemegang taruh serta terdapat kelemahan dalam dasar yang membuka ruang dalam salah laku dan rasuah mengakibatkan senario kekangan.

KEWANGAN / PEROLEHAN AWAM

Kelompangan dasar kerajaan dimanipulasi oleh pihak berkepentingan dengan tujuan memperoleh habuan yang ditawarkan menjadi kekangan kepada proses perolehan yang telus dan penggunaan teknologi masih gagal mengekang salah laku integriti.

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Tadbir urus yang baik berlaku tetapi terlalu bergantung kepada personaliti individu untuk memacu kejayaannya. Namun, dalam masa jangka panjang, rasuah masih berlaku disebabkan usaha yang tidak terangkum.

TADBIR URUS KORPORAT

Aspirasi dan perancangan besar, tetapi pencapaiannya kecil disebabkan kekangan pelaksanaan dan kurang kesungguhan individu. Pewujudan sistem tadbir urus yang kukuh telah membentuk mekanisme semak dan imbang dalam entiti awam dan swasta. Walau bagaimanapun hanya segelintir sektor yang berjaya disebabkan kebanyakan faktor masih lagi terlibat dalam amalan rasuah.



SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

Satu anjakan yang membawa kepada sebuah negara yang beretika dan mendukung integriti serta mengamalkan nilai-nilai baik dalam mendepani arus perubahan di masa hadapan. Penggunaan teknologi maklumat dan pengurusan perubahan yang baik serta dasar perundangan yang bersesuaian dengan keadaan semasa dan pengurusan sumber yang cekap menjadi pemacu kepada penyampaian perkhidmatan yang cemerlang di dalam senario perkembangan ini.

KEWANGAN / PEROLEHAN AWAM

Salah laku dalam perolehan awam dapat dikurangkan ke tahap minimum dengan peningkatan integriti dan amanah dalam kalangan warga kerja kementerian. Pelaksanaan proses perolehan menjadi lebih efisien dan cekap yang memberi manfaat kepada rakyat dan kelangsungan ekonomi negara serta meningkatkan imej kerajaan secara menyeluruh.

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dipertingkatkan dengan penggunaan teknologi maklumat yang tinggi. Sumber kewangan daripada kutipan hasil dan sumber manusia digunakan secara cekap dan berkesan dengan adanya penambahbaikan sistem dan prosedur kerja melalui teknologi maklumat bagi memenuhi ekspektasi rakyat.

TADBIR URUS KORPORAT

Perkembangan dan kecemerlangan tadbir urus korporat tercapai dengan pengukuhan struktur dan sumber organisasi serta peningkatan kompetensi warga kerja di organisasi yang menyumbang kepada pengukuhan tadbir urus yang baik. Persekitaran perniagaan yang menjunjung kepada pematuhan undang-undang dan peraturan. Hal ini, mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, saksama dan telus.



SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)

Campur tangan asing di dalam sistem pentadbiran awam memberi kesan yang buruk terhadap tadbir urus organisasi yang mampu mendatangkan tohmahan awam dan keyakinan yang berkurangan terhadap sistem pentadbiran dan dasar kerajaan. Kegagalan dalam mengikuti perubahan persekitaran seperti penggunaan teknologi maklumat yang tinggi dan sistem perundangan dan prosedur yang lapuk mengakibatkan tidak mampu menangani isu-isu semasa menyumbang kepada senario merudum.

KEWANGAN / PEROLEHAN AWAM

Campur tangan daripada pihak luar/pihak ketiga di dalam proses perolehan mengakibatkan pegawai kerajaan turut terlibat dalam salah guna kuasa dan penyelewengan. Sistem atas talian dan teknologi yang digunakan bagi memproses perolehan dan kelemahan di dalam sistem sedia ada di salah guna untuk kepentingan peribadi.

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

Kelemahan pematuhan terhadap dasar/garis panduan dalam pelaksanaan tugas dan campur tangan pihak ketiga dalam pentadbiran awam serta karenah birokrasi yang diamalkan mendatangkan kesan kepada amalan tadbir urus yang tidak telus.

TADBIR URUS KORPORAT

Rasuah berlaku di setiap peringkat dalam ekosistem, di peringkat tertinggi hingga paling bawah dan berakar umbi dalam kalangan sektor awam dan swasta hingga mengakibatkan kehilangan keyakinan terhadap integriti ekonomi negara.

STRATEGI UTAMA

Lima (5) strategi dibangunkan bagi menghadapi senario yang telah dikenalpasti seperti berikut:

i) Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam

Perolehan merupakan salah satu bidang dalam kerajaan yang terdedah kepada rasuah dan salah guna kuasa. Pengurusan perolehan yang baik dan cekap perlu dipastikan agar dapat mengurangkan ruang dan peluang untuk melakukan kesalahan yang merugikan kewangan kerajaan dan etika diri.

ii) Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan sistem pengurusan kewangan

Pengurusan kewangan yang baik dapat memastikan ketirisan wang awam tidak berlaku dan seterusnya dapat memastikan hasil Kerajaan dipelihara secara berterusan.

iii) Meningkatkan kecekapan pengurusan perolehan dan kewangan


Peningkatan kompetensi warga kerja perlu dilaksanakan secara berkala bagi memastikan kecekapan dalam melaksanakan tugas dan melicinkan operasi kewangan di dalam organisasi.

iv) Mengukuh dan menambahbaik tadbir urus kementerian

Penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dapat dicapai dengan memperkukuhkan dan menambahbaik sistem prosedur kerja dan garis panduan supaya bersesuaian dengan keadaan semasa dan tindakan kawalan dan pemantauan kelemahan yang ada dipertingkatkan di samping meningkatkan kompetensi warga kerja.

v) Memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat

Pengukuhan struktur dan sumber di jabatan/agensi serta peningkatan kompetensi warga kerja di jabatan/agensis yang menyumbang kepada pengukuhan tadbir urus yang baik dalam memerangi rasuah.



BAB 3

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Dalam memperkasakan usaha pencegahan rasuah, tiga (3) bidang utama yang dikenalpasti iaitu Kewangan/Perolehan Awam, Pentadbiran Sektor Awam dan Tadbir Urus Korporat melibatkan lima (5) strategi menangani rasuah dengan 12 objektif strategik dan 43 inisiatif yang telah digariskan.

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH KKMM 2021 - 2023

VISI



Melahirkan warga kementerian yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi.



MISI


Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus baik.

MATLAMAT



Kecekapan dan responsif dalam penyampaian perkhidmatan.



STRATEGI



- i) Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam.
- ii) Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan sistem pengurusan kewangan.
- iii) Meningkatkan kecekapan pengurusan perolehan dan kewangan.
- iv) Mengukuh dan menambahbaik tadbir urus kementerian.
- v) Memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat.

KEUTAMAAN STRATEGI

Kaedah Analisis Kuadran digunakan bagi menentukan keutamaan inisiatif berdasarkan tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaan inisiatif tersebut seperti berikut:



- * Impak merujuk kepada kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif.
- * Kompleksiti merujuk kepada kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif.

PENEKANAN 15 INISIATIF

| BIL. | NO. INISIATIF | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|------|-----------------|---|---------|----------|
| 1. | Inisiatif 1.1.1 | Mewujudkan pemantauan terhadap prestasi kontraktor yang dilantik oleh kementerian untuk melaksanakan bekalan dan perkhidmatan. | A | 1 |
| 2. | Inisiatif 1.1.3 | Membangunkan 'automated system' bagi memantau kontrak perolehan yang sedang berkuat kuasa. | B | 1 |
| 3. | Inisiatif 2.1.1 | Menyediakan garis panduan pelaksanaan acara atau program merangkumi penyediaan laporan pelaksanaan program dan pelaksanaan mesyuarat <i>post-mortem</i> . | A | 2 |
| 4. | Inisiatif 2.1.2 | Mengkaji mekanisme yang bersesuaian untuk mengatasi isu terlebih bayar emolumen. | A | 2 |
| 5. | Inisiatif 2.1.4 | Menyediakan garis panduan mengenai tugas dan peranan Pegawai Penerima barang/ perkhidmatan. | A | 2 |
| 6. | Inisiatif 2.3.1 | Mewujudkan Garis Panduan Agihan Dana Kandungan Digital (DKD). | A | 2 |
| 7. | Inisiatif 2.3.2 | Memperkemas dan menambahbaik Dana Kandungan Digital Industri Muzik. | B | 2 |
| 8. | Inisiatif 4.1.1 | Memperkasakan pelaksanaan keselamatan dokumen terperingkat. | A | 4 |

Berdasarkan analisis tersebut, sebanyak 14 daripada 43 inisiatif yang perlu diberi keutamaan dan keperluan kesegeraan untuk menangani rasuah. 10 inisiatif yang dikenal pasti berada dalam kelompok Kuadran A iaitu kadar impak tinggi dan tahap kompleksiti rendah yang memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberikan kesan besar kepada tadbir urus organisasi. Tiga (3) inisiatif yang seterusnya berada di kelompok Kuadran B iaitu kadar impak tinggi dan tahap kompleksiti tinggi

| BIL. | NO. INISIATIF | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|------|-------------------------|--|---------|----------|
| 9. | Inisiatif 4.3.2 | Menguatkuasakan arahan mewajibkan pusingan tugas secara berkala berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004. | A | 4 |
| 10. | Inisiatif 4.3.3 & 5.1.1 | Membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia. | B | 4 & 5 |
| 11. | Inisiatif 4.3.4 | Menambahbaik mekanisme permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara. | A | 4 |
| 12. | Inisiatif 4.3.5 | Mengkaji semula dasar/peraturan yang telah melebihi lima (5) tahun bagi tujuan penambahbaikan. | A | 4 |
| 13. | Inisiatif 4.4.1 | Menyebarkan mesej antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui pelbagai saluran media secara berterusan. | A | 4 |
| 14. | Inisiatif 5.1.2 | Mempromosi, membangun dan menyediakan latihan bagi pelaksanaan Tatacara Mencukupi selaras dengan subseksyen (5) Seksyen 17A (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009. | A | 5 |

BIDANG KEUTAMAAN 1 :

KEWANGAN / PEROLEHAN AWAM

| BIDANG KEUTAMAAN 1: KEWANGAN DAN PEROLEHAN AWAM | | BAHAGIAN/ UNIT PENERAJU | TEMPOH MASA |
|---|---|--|----------------|
| Strategi 1 | Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam | | |
| Objektif Strategik 1.1 | Mempertingkatkan dan memperkukuhkan sistem pemantauan dan pengurusan dalam perolehan | | |
| Inisiatif 1.1.1 | Mewujudkan pemantauan terhadap prestasi kontraktor yang dilantik oleh kementerian untuk melaksanakan bekalan dan perkhidmatan. | Bahagian Kewangan | 2021 |
| Inisiatif 1.1.2 | Meningkatkan pemantauan terhadap pematuhan perancangan perolehan melalui laporan berkala. | 1) Bahagian Kewangan (K) 2) Bahagian Pengguna | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 1.1.3 | Membangunkan 'automated system' bagi memantau kontrak perolehan yang sedang berkuat kuasa. | 1) Bahagian Kewangan (K) 2) Bahagian Pengurusan Maklumat | 2021 - 2022 |
| Inisiatif 1.1.4 | Menyemak dan mengemaskini garis panduan perolehan setiap enam (6) bulan atau berdasarkan keperluan semasa. | Bahagian Kewangan | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 1.1.5 | Memastikan pelaksanaan pengiklanan tender selewat-lewatnya pada bulan Jun setiap tahun. | Bahagian Kewangan | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 1.1.6 | Memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh tiga (3) bulan selepas Surat Setuju Terima ditandatangani oleh syarikat. | 1) Bahagian Kewangan (K) 2) Bahagian Pengguna | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 1.1.7 | Mengkaji kaedah untuk mengelakkan perolehan dibuat pada suku tahun terakhir. | 1) Bahagian Kewangan (K) 2) Bahagian Pengguna | 2021 - 2022 |
| Strategi 2 | Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan sistem pengurusan kewangan | | |
| Objektif Strategik 2.1 | Menambahbaik mekanisme untuk mengekang ketirisan wang awam | | |
| Inisiatif 2.1.1 | Menyediakan garis panduan pelaksanaan acara atau program merangkumi penyediaan laporan pelaksanaan program dan pelaksanaan mesyuarat <i>post-mortem</i> . | Bahagian Khidmat Pengurusan | 2021 |
| BIDANG KEUTAMAAN 1: KEWANGAN DAN PEROLEHAN AWAM | | BAHAGIAN/ UNIT PENERAJU | TEMPOH MASA |
| Inisiatif 2.1.2 | Mengkaji mekanisme yang bersesuaian untuk mengatasi isu terlebih bayar emolumen. | 1) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (K) 2) Bahagian Kewangan 3) Bahagian Akaun | 2021 |

| | | | |
|-------------------------------|---|---|-------------|
| Inisiatif 2.1.3 | Melaksanakan dasar pusingan tugas bagi pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan perolehan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 2.1.4 | Menyediakan garis panduan mengenai tugas dan peranan Pegawai Penerima barang/ perkhidmatan. | Bahagian Kewangan | 2021 |
| Objektif Strategik 2.2 | Memperkuhkan sistem pengurusan kewangan | | |
| Inisiatif 2.2.1 | Menguatkuasakan bayaran bil dalam tempoh tujuh (7) hari. | 1) Bahagian Akaun (K) 2) Bahagian Kewangan | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 2.2.2 | Memberikan taklimat kepada Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional yang akan dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan. | Bahagian Kewangan | 2021 - 2023 |
| Objektif Strategik 2.3 | Memperkuhkan pengurusan dana | | |
| Inisiatif 2.3.1 | Mewujudkan Garis Panduan Agihan Dana Kandungan Digital (DKD). | Bahagian Pembangunan Kandungan | 2021 |
| Inisiatif 2.3.2 | Memperkemas dan menambahbaik Dana Kandungan Digital Industri Muzik. | Bahagian Pembangunan Kandungan | 2021 - 2022 |
| Strategi 3 | Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam | | |
| Objektif Strategik 3.1 | Meningkatkan kompetensi pegawai perolehan dan kewangan | | |
| Inisiatif 3.1.1 | Meningkatkan kepakaran dan kompetensi pegawai Cawangan Pengurusan Perolehan. | 1) Bahagian Kewangan (K) 2) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 3.1.2 | Memastikan pegawai yang terlibat dalam perolehan dan kewangan menghadiri kursus berkaitan bidang tugas sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. | Semua Bahagian / Unit | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 3.1.3 | Mengadakan program peningkatan akauntabiliti kepada pegawai penyelia. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 3.1.4 | Menetapkan kursus kewangan, perolehan dan integriti sebagai kursus wajib ke atas semua pegawai lantikan baru. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 3.1.5 | Mengkaji struktur / beban tugas di Cawangan Pengurusan Perolehan. | Bahagian Kewangan | 2021 |

BIDANG KEUTAMAAN 2 :

PENTADBIRAN SEKTOR AWAM

| BIDANG KEUTAMAAN 2: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM | | BAHAGIAN/ UNIT PENERAJU | TEMPOH MASA |
|---|---|---|----------------|
| Strategi 4 | Mengukuh dan Menambahbaik Tadbir Urus Kementerian | | |
| Objektif Strategik 4.1 | Memperkukuhkan pengurusan tindakan kawalan dalaman | | |
| Inisiatif 4.1.1 | Memperkasakan pelaksanaan keselamatan dokumen terperingkat | 1) Bahagian Khidmat Pengurusan (K) 2) Unit Integriti | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 4.1.2 | Menyemak dan mengemaskini senarai penurunan kuasa sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau apabila berlaku pertukaran pegawai. | Semua Bahagian / Unit | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 4.1.3 | Melaksanakan naziran pematuhan peraturan/ arahan/pekeliling yang berkuatkuasa bagi mengenal pasti kelemahan tadbir urus dan mencadangkan penambahbaikan. | Unit Integriti | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 4.1.4 | Mengadakan taklimat Akta Rahsia Rasmi 1972. | Bahagian Khidmat Pengurusan | 2021 - 2023 |
| Objektif Strategik 4.2 | Memantapkan pentadbiran kawalan tata tertib | | |
| Inisiatif 4.2.1 | Mengemukakan laporan pegawai yang berada dalam keterhutangan serius kepada Ketua Jabatan bagi tujuan pemantauan prestasi kerja pada setiap suku tahun. | Unit Integriti | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 4.2.2 | Meningkatkan kefahaman dan tanggungjawab Ketua Jabatan dan penyelia dalam membuat kawalan tata tertib terhadap pegawai bawahannya. | Unit Integriti | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 4.2.3 | Memperkasakan mekanisme pelaporan penerimaan hadiah melalui; i) Borang Laporan Penerimaan Hadiah, Keraian dan Upahan (Borang PH 4/2018) bagi Anggota Pentadbiran; dan ii) Borang Permohonan bagi Mendapatkan Kebenaran Penerimaan Hadiah Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 1998 bagi penjawat awam. | Unit Integriti | 2021 - 2023 |

| | | | |
|-------------------------------|--|---|-------------|
| Objektif Strategik 4.3 | Merekayasa Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik | | |
| Inisiatif 4.3.1 | Menggalakkan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti, dan kecekapan dalam sektor awam melalui Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) bagi mengukur dan menganalisis nilai baik berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri Tahun 1998 Siri 7 No.1 Tahun 2007. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 2021 - 2022 |
| Inisiatif 4.3.2 | Menguatkuasakan arahan mewajibkan pusingan tugas secara berkala berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 4.3.3 | Membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia. | Unit Integriti | 2021 |
| Inisiatif 4.3.4 | Menambahbaik mekanisme permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara. | PUSPAL | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 4.3.5 | Mengkaji semula dasar/peraturan yang telah melebihi lima (5) tahun bagi tujuan penambahbaikan. | 1) Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik 2) Semua Bahagian / Unit | 2021 - 2023 |
| Objektif Strategik 4.4 | Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Professional Berterusan Dalam kalangan Pegawai Awam Melalui Program Berdasarkan Kepada Human Governance | | |
| Inisiatif 4.4.1 | Menyebarkan mesej antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui pelbagai saluran media secara berterusan. | Bahagian Komunikasi Strategik | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 4.4.2 | Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi penjawat awam. | Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 2021 - 2023 |
| Objektif Strategik 4.5 | Menambahbaik Pengurusan Kenderaan Kementerian | | |
| Inisiatif 4.5.1 | Menetapkan had penggunaan kad Touch n Go dan kad inden yang dibekalkan kepada pegawai pengurusan tertinggi mengikut kadar kelayakan pegawai. | Bahagian Khidmat Pengurusan | 2021 |
| Inisiatif 4.5.2 | Mewujudkan mekanisme/garis panduan pengurusan saman yang melibatkan kenderaan jabatan. | Bahagian Khidmat Pengurusan | 2021 |
| Inisiatif 4.5.3 | Meningkatkan kompetensi Pegawai Kenderaan dan Pemandu melalui kursus yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing. | 1) Bahagian Khidmat Pengurusan (K) 2) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | 2021 - 2023 |

| | | | |
|------------------------|---|-----------------------------|-------------|
| Inisiatif 4.5.4 | Menambahbaik sistem rekod penggunaan kenderaan, kad Touch n Go dan kad inden. | Bahagian Khidmat Pengurusan | 2021 |
| Objektif Strategik 4.6 | Menambahbaik Pengurusan Aset Kementerian | | |
| Inisiatif 4.6.1 | Mengkaji mekanisme pelaksanaan pengurusan aset. | Bahagian Khidmat Pengurusan | 2021 |
| Inisiatif 4.6.2 | Memberi pengiktirafan kepada Bahagian/Unit/Jabatan/Agensi yang mempunyai pengurusan aset terbaik. | Bahagian Khidmat Pengurusan | 2021 - 2023 |

BIDANG KEUTAMAAN 3 :

TADBIR URUS KORPORAT

| BIDANG KEUTAMAAN 3: TADBIR URUS KORPORAT | | BAHAGIAN/ UNIT PENERAJU | TEMPOH MASA |
|---|--|--|------------------------|
| Strategi 5 | Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat | | |
| Objektif Strategik 5.1 | Memastikan daya tahan terhadap ancaman rasuah di entiti korporat | | |
| Inisiatif 5.1.1 | Membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM). | Jabatan / Agensi di bawah Kementerian | 2021 |
| Inisiatif 5.1.2 | Membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia. | Jabatan / Agensi / Syarikat di bawah Kementerian | 2021 - 2023 |
| Inisiatif 5.1.3 | Mempromosi, membangun dan menyediakan latihan bagi pelaksanaan Tatacara Mencukupi selaras dengan subseksyen (5) Seksyen 17A (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009. | Syarikat di bawah Kementerian | 2021 - 2023 |



BAB 4

TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH

Bab ini menerangkan aspek pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah yang telah digariskan. Ia bertujuan untuk memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif oleh Bahagian/Unit peneraju mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan supaya objektif penghasilan pelan tercapai. Cabaran-cabaran dalam melaksanakan inisiatif ini juga dapat dikenalpasti supaya dapat ditambahbaik dan dilihat semula agar pelaksanaan pelan ini lebih berkesan.

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Pelan Antirasuah KKMM akan dilaksanakan secara menyeluruh (holistik) melibatkan kerjasama daripada semua peringkat (Kebangsaan/Kementerian/Bahagian/Unit/Jabatan/Agensi) supaya pelaksanaannya adalah seiring dengan NACP 2019-2023. Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah KKMM akan dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) KKMM sebagai agenda tetap.

Struktur tadbir urus pemantauan Pelan Antirasuah KKMM adalah seperti berikut:



Menerima laporan kemajuan pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah daripada Bahagian/Unit Peneraju




Pelaporan isu JAR daripada Bahagian/Unit/Jabatan/Agensi



Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat KKMM

MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN

Bagi memastikan keberkesanan mekanisme pemantauan dalam melaksanakan inisiatif yang telah ditetapkan di dalam Pelan Anti Rasuah, semua Ketua Bahagian/Unit dikehendaki:



MEKANISME PELARASAN DAN PENILAIAN


Penilaian pencapaian Pelan Antirasuah ini akan dijalankan (3) tiga kali setahun. Satu kajian semula Pelan Antirasuah dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2023 untuk menentukan keberkesanannya secara menyeluruh. Penilaian prestasi bagi setiap inisiatif yang telah digariskan hendaklah dibuat bagi memastikan kemajuan pelaksanaan adalah mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Selanjutnya, penilaian keseluruhan pencapaian Pelan Antirasuah boleh dinilai berdasarkan petunjuk-petunjuk berikut:

- Pengurangan kes tatatertib melibatkan warga KKMM;
- Pengurangan bilangan aduan awam yang diterima daripada Biro Pengaduan Awam, Unit Komunikasi Korporat dan Unit Integriti; dan
- Pengurangan teguran daripada Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan Unit Audit Dalam.

**MENGURANGKAN SALAH LAKU INTEGRITI
DALAM KALANGAN WARGA KKMM**

- Pengurangan statistik kes-kes melibatkan warga KKMM yang disiasat dan didakwa oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- Tindakan proaktif dalam melaporkan kesalahan rasuah; dan
- Pengurangan bilangan aduan yang diterima oleh SPRM melibatkan warga KKMM.

**MEMUPUK KESEDARAN PEGAWAI BAGI
MELAPORAN KESALAHAN RASUAH**



BAB 5

KESIMPULAN

KESIMPULAN

PELAN ANTIRASUAH KKMM 2021-2023

merupakan satu dokumen antirasuah yang terancang bagi menangani risiko rasuah dan kelemahan governans dan integriti yang dikenalpasti sama ada telah/sedang/akan berlaku. Sebanyak lima (5) strategi dalam menangani rasuah dengan 12 objektif strategik dan 43 inisiatif yang telah dibangunkan sebagai satu usaha menunjukkan komited dan iltizam penuh warga KKMM dalam memastikan agenda memerangi rasuah di peringkat organisasi dan nasional tercapai.

Dengan pelaksanaan inisiatif di dalam Pelan Antirasuah ini, nilai pembudayaan, penghayatan dan pengukuhan integriti dapat dilaksanakan secara berterusan dan seterusnya diterapkan dalam kalangan warga KKMM supaya budaya kerja yang berintegriti dapat dipertingkat seterusnya menerapkan nilai ini dalam kehidupan seharian. Pelaksanaan inisiatif ini juga mestilah dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan dengan kerjasama daripada semua warga KKMM terutama Bahagian/Unit peneraju dan dipantau secara berkala bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan lancar bagi mencapai visi untuk melahirkan warga kementerian yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi.

Keseluruhannya, Pelan Antirasuah KKMM 2021-2023 ini juga bertindak sebagai pelengkap dan pemangkin terhadap pembaharuan usaha antirasuah di peringkat kementerian dan mendukung usaha kerajaan dalam memerangi rasuah seperti yang diterjemahkan di dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA,
ARAS 22, LOT 4G9, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA